



**IKLAN JAWATAN KOSONG
JABATAN DIRAJA JOHOR**

SKIM PERKHIDMATAN : PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI)
TARAF JAWATAN : KONTRAK
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN : N1
KEKOSONGAN : 1 KEKOSONGAN
TARIKH BUKA : 22 OGOS 2025
TARIKH TUTUP : 31 OGOS 2025
JADUAL GAJI :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,561.00); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN

3.
 - i. Wanita dan bujang diutamakan.
 - ii. Menetap di sekitar daerah Johor Bahru.
 - iii. Boleh bekerja mengikut jadual waktu fleksibel.
 - iv. Mempunyai lesen memandu dan berkebolehan memandu kenderaan.

KEMUDAHAN ELAUN

4.
 - i. Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM115.00
 - ii. Imbuhan Tetap Perumahan - RM300.00.
 - iii. Elaun Bantuan Sara hidup - RM350.00.
 - iv. Faedah rawatan perubatan (diri [isteri/suami] / ibu/bapa kandung / anak-anak)
 - v. Lain-lain elaun serta kemudahan yang melayakkan oleh perkhidmatan mereka.

DESKRIPSI TUGAS :

- i. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Sokongan yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi). Dikhususkan untuk melaksana pengurusetiaan, menaip dan menyediakan dokumen rasmi yang diarahkan dalam masa yang ditetapkan, pengurusan fail, menyediakan dokumen yang berkaitan protokol dan istiadat dan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a. Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh diperolehi di pejabat ini dengan cara datang sendiri pada waktu pejabat atau dimuat turun daripada laman web rasmi Kerajaan Negeri Johor di <https://www.johor.gov.my/> atau melalui 'online' di <https://jawatan.johor.gov.my>
- b. Borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan gambar berukuran passport terkini dan salinan sah bagi dokumen-dokumen berikut :-

- (i) Sijil Kelahiran;
- (ii) Kad Pengenalan;
- (iii) Sijil Berhenti Sekolah;
- (iv) Sijil keputusan Peperiksaan
- (v) Sijil-sijil kelulusan Yang lain

Semua salinan dokumen tersebut hendaklah diakui salinan sah oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun kumpulan A dan B/Penghulu, Pegawai dalam Perkhidmatan Perundangan dan kehakiman seperti Majistret/Pegum. Setiap pengesahan hendaklah dicop Nama, Jawatan dan Jabatan oleh pihak yang mengesahkan.

- c. Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan
Hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peruntukan Perintah Am Bab A Bil. 21 dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini berserta Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang Terkini.
- d. Borang permohonan yang lengkap dipenuhi hendaklah dihantar ke alamat :

**PENGELOLA BIJAYA DIRAJA JOHOR,
ARAS 1, BANGUNAN SULTAN IBRAHIM,
BUKIT TIMBALAN,
80000 JOHOR BAHRU.**

CATATAN AM :

- a. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka TIDAK BERJAYA;
- c. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.

Sekian, terima kasih.